

Perbandingan Kata Kerja Sokong dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis

(Comparison of Support Verbs in Malay and French)

*OMRAH HASSAN @ HUSSIN

AB HALIM MOHAMAD

Universiti Putra Malaysia, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: omrah@upm.edu.my

Abstrak. Kajian ini bertujuan untuk membandingkan penggunaan kata kerja sokong dalam bahasa Melayu seperti yang telah ditemui dalam penggunaan *verbe support* bahasa Perancis di samping ingin melihat peranan yang dimainkan oleh kata kerja sokong dalam ayat serta meninjau persamaan dan perbezaan yang wujud bagi binaan ayat yang menggunakan kata kerja sokong "memberi" dalam bahasa Melayu dan *donner* dalam bahasa Perancis. Kajian ini berdasarkan teori Leksikon-Tatabahasa (*Lexique-Grammaire*) oleh Maurice Gross dan menggunakan korpus kajian yang dikumpul dalam bahasa Melayu dan diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis untuk tujuan perbandingan. Hasil kajian ini mendapati kewujudan kata kerja sokong dapat ditentukan berdasarkan fungsinya sebagai perealisasi kepada kata nama predikatif atau *nom prédicatif* dalam ayat. Terdapat persamaan yang amat ketara dari segi makna bagi kebanyakan ayat yang mengandungi kata kerja sokong dan juga ayat yang diterbitkan dengan penggunaan kata kerja distribusi sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Perancis.

Kata kunci dan frasa: kata kerja sokong, bahasa Melayu, bahasa Perancis, Leksikon-Tatabahasa, perealisasi, kata nama predikatif

Abstract. *This study aims to compare the use of support verbs (light verbs) in the Malay language as it was found in the French language. It also examines the role of the support verb in the sentences and explores the similarities and differences that exist in constructing sentences using the verb memberi in the Malay language and donner in French. This study is based on the Lexique-Grammaire (Lexicon-Grammar) of Maurice Gross theory and employs a corpus-based analysis of the verbs under study. The findings of this study support the existence of a verb that can be determined based on their function as the actualisation of predicate nouns (nom prédicatif) in a sentence. There are significant similarities in terms of the meaning of most of the sentences that contain light verbs and also the sentences constructed using distribution verbs in Malay and French.*

Keywords and phrases: *support verbs, Malay language, French language, Lexicon-Grammar, actualisation, predicate nouns*

Pengenalan

Kata kerja sokong (KK_S) atau *verbe support* (*V_{-sup}*) dalam bahasa Perancis dikenali juga dengan *support verbs* (*light verbs*) dalam bahasa Inggeris dan kata kerja kategori ini telah juga ditemui dalam bahasa Arab, bahasa Korea dan bahasa-bahasa lain. Hasil kajian yang dijalankan, pengkaji telah mendapati bahawa kata kerja "memberi" boleh digolongkan sebagai kata kerja sokong dalam bahasa Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji akan menghuraikan ayat-ayat yang menggunakan kata kerja "memberi" dalam bahasa Melayu dan *donner* dalam bahasa Perancis sebagai asas perbandingan dengan bahasa Perancis. Pengkaji mengkelaskan kata kerja "memberi" (*donner*) sebagai KK_S berdasarkan dua kriteria iaitu: (1) terdapat persamaan makna ayat yang dibina daripada dua struktur yang berbeza, KK_S KN_P (*V_{-sup} N_{-préd}*) dan struktur KK_N (KK_D) (*V_{-nom} [V_{-dis}]*) dan (2) kata kerja sokong memainkan peranan merealisasikan kata nama predikatif (*le nom prédictif*). Daripada dua kriteria tersebut kriteria yang kedua merupakan kriteria asas untuk mengenali KK_S atau *V_{-sup}* terutama sekali apabila ayat-ayat yang dikategorikan sebagai ayat yang mengandungi KK_S tidak dapat diterbitkan melalui transformasi binaan ayat yang mengandungi kata kerja distribusi (KK_D). Kajian fenomena ini amat penting untuk mengenali dan memahami dengan lebih jelas peranan KK_S (*V_{-sup}*) dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis. Bagi tujuan analisis perbandingan kata kerja sokong dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis, pengkaji akan menghuraikan kata kerja "memberi" (*donner*) sebagai KK_S dalam ayat yang dikaji berdasarkan dua kriteria yang telah dinyatakan di atas melalui contoh-contoh tertentu.

Persoalan kajian

1. Bagaimanakah bentuk ayat yang menggunakan kata kerja sokong "memberi" (*donner*) dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam bahasa Perancis?
2. Adakah ayat yang dibina dengan menggunakan kata kerja sokong sama maknanya dengan ayat yang diterbitkan dengan menggunakan kata kerja distribusi?
3. Apakah kata nama predikatif yang boleh direalisasi oleh kata kerja sokong "memberi" dalam ayat bahasa Melayu dan ayat terjemahan dalam bahasa Perancis?

Objektif

1. Mengenal pasti ayat-ayat yang menggunakan kata kerja sokong "memberi" dalam bahasa Melayu dan terjemahannya dalam bahasa Perancis.
2. Menentukan sama ada ayat yang dibina dengan menggunakan kata kerja sokong sama makna atau tidak dengan ayat yang diterbitkan dengan menggunakan kata kerja distribusi.
3. Mengenal pasti kata nama predikatif yang direalisasikan oleh kata kerja sokong "memberi" (*donner*) dalam ayat bahasa Melayu dan terjemahannya dalam bahasa Perancis.

Teori

Kajian ini didasari oleh teori *Lexique-Grammaire* (Leksikon-Tatabahasa) yang berasaskan prinsip Harris (1964), dan dikembangkan oleh Gross (1975; 1981) dan juga daripada prinsip *l'analyse matricielle définitoire* (Matriks Analisis Definitoire) oleh Amr Helmy Ibrahim (1994; 1996a; 1996b; 1997; 1999; 2001a; 2001b; 2002; 2004). Amr Helmy mengelaskan kata kerja kepada enam kumpulan, iaitu *verbe opérateur* (kata kerja operator), *verbe générique* (kata kerja umum), *verbe distributionnel* (kata kerja distribusi), *verbe auxiliaire* (kata kerja bantu), *verbe support* (kata kerja sokong) dan *verbe dans la construction figée* (kata kerja dalam binaan tetap/kaku). Berdasarkan pengelasan tersebut kata kerja sokong merupakan salah satu daripada kumpulan kata kerja yang penting dan mendapat tempat dalam kajian linguistik serta bersifat sejagat.

Definisi Kata Kerja Sokong

Amr Helmy (2000, 87) telah mendefinisikan kata kerja sokong sebagai:

Verbes à combinatoire encore plus restreinte (que les verbes distributionnels) entretenant une relation d'appropriation spécifique avec l'élément auquel ils s-appliquent. C'est le cas de "faire" dans 1. Zip a fait une déclaration tonitruante.

Terjemahan: Kata kerja sokong ialah kata kerja yang berkombinasi secara lebih terbatas berbanding dengan kata kerja distribusi dan mempunyai hubungan secara khusus dengan elemen yang terlibat dengannya. Seperti "membuat" dalam ayat 1. Zip telah membuat pengisytiharan dengan (suara) bergetar/lantang.

Dalam erti kata yang lain, kata kerja sokong dapatlah didefinisikan sebagai kata kerja yang memberi nilai predikat kepada kata nama (kata nama abstrak) dalam ayat, bergabung dengan kata nama predikatif dalam ayat dan mempunyai tanda realisasi verbal. KK_S tidak mempunyai makna leksikal seperti dalam penggunaan yang lain dan ia boleh dilenyapkan dalam ayat melalui penyusunan semula tanpa mengubah maksud asal ayat tersebut. Contohnya:

Struktur 1: $KG_N KK_S KN_P \Omega$

Contoh: Kami membuat pengiraan ini dengan cara yang sama.
 ≡ Kami mengira(nya) dengan cara yang sama.
 (penyusunan semula dengan menggunakan kata kerja distribusi)
Nous faisons ce compte de la même manière.
 ≡ (*Nous comptons [cela] de la même manière.*)

Kata kerja "membuat" (*faire*) dalam ayat di atas adalah KK_S yang merealisasikan kata nama predikatif (*nom prédicatif*) pengiraan (*compte*). Kata nama "pengiraan" dalam ayat tersebut diklasifikasikan sebagai kata nama abstrak (*nom abstrait*). Dalam contoh, ayat yang mengandungi kata kerja sokong didapati boleh digantikan dengan menggunakan kata kerja distribusi "mengira" (*compter*) tanpa mengubah maksud asal ayat tersebut. Demikian juga dalam contoh ayat berikut:

Struktur 2: $KN KB_{(asp)} KK_S KN_P KS KN \Omega$

Contoh: $KN KB_{(asp)} KK_S KN_P KS KN KN$
 Kerajaan harus memberi perlindungan kepada pekerja asing.
 « *Le gouvernement devrait donner une protection aux employés étrangers* ».
 « *Le gouvernement devrait (assurer la + offrir une) protection des/aux employés étrangers* ».
 ».
 $KN KB_{(asp)} KK_{(dis)} KN KN$
 ≡ Kerajaan harus melindungi pekerja asing.
 « *Le gouvernement devrait protéger des employés étrangers* ».

Secara umum ayat yang mengandungi kata kerja sokong boleh terbina daripada pelbagai struktur ayat dan juga boleh diterbitkan dengan ayat yang mengandungi kata kerja distribusi yang mempunyai hubungan morfologi dengan kata nama predikatif dalam ayat tersebut. Fenomena ini dapat dilihat dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis. Penemuan seperti ini juga dapat dikesan dalam bahasa-bahasa lain, seperti bahasa Arab.

Kami memberi perlindungan kepada pekerja نحن نعطى الحماية للعمال

asing.

Kami melindungi pekerja asing.

الأجانب

نحن نحمي عمال الأجانب ≡

Kewujudan kata kerja distribusi yang mempunyai persamaan makna dengan kata nama predikatif yang terdapat dalam struktur kata kerja sokong adalah fenomena umum dalam bahasa. Keadaan ini telah dibuktikan oleh ramai pengkaji Perancis dan penyelidik-penyelidik lain. Contohnya, untuk bahasa Perancis (lihat Daladier 1978; Giry-Schneider 1978; 1987; Vives 1983; Gaston Gross 1989; Amr Helmy 1998), bahasa Inggeris (lihat Cattel 1984), bahasa Korea (lihat Shin 1994) dan bahasa Arab (lihat Adal 2006).

Analisis Persamaan Makna Ayat Kata Kerja Sokong (KK_S) dengan Ayat Kata Kerja Distribusi (KK_D).

Berdasarkan keseluruhan korpus kajian bagi KK_S "memberi" (*donner*), pengkaji mendapati terdapat hubungan persamaan makna antara ayat yang dibina dengan menggunakan KK_S dengan ayat yang dibina dengan menggunakan KK_D sama ada dalam bahasa Melayu atau melalui terjemahan dalam bahasa Perancis. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas melalui struktur asas yang berikut:

Struktur asas: KN KK_S KN_P Ω ≡ KN KK_{KN} (KK_D) Ω

Walaupun demikian, terdapat banyak ayat yang mengandungi kata kerja sokong tidak dibina daripada struktur yang sama, namun semua struktur tersebut mempunyai bentuk asas yang serupa, iaitu berkaitan dengan kedudukan kata kerja sokong, yakni kata kerja sokong (*verbe support*) sentiasa terletak sebelum kata nama predikatif (*nom prédicatif*) seperti ditunjukkan melalui singkatan KK_S KN_P (dalam bahasa Melayu) dan KK_S KT KN_P (dalam bahasa Perancis). Fenomena ini dianggap biasa kerana kedua-dua bahasa yang dikaji bukanlah berasal daripada rumpun bahasa yang sama. Kepelbagaian ini dapat dilihat melalui struktur-struktur berikut:

Didapati bahawa kebanyakan ayat yang mengandungi KK_S "memberi" (*donner*) yang menjadi sampel kajian adalah dibina berasaskan lima elemen penting seperti yang ditunjukkan:

1	2	3	4	5
KN	KK _S	KN _P	KS	KN

Elemen lain yang hadir dalam ayat dianggap elemen tambahan bagi memenuhi maksud ayat tersebut. Keadaan ini dikuatkan lagi dengan alasan bahawa penggunaan kata kerja "memberi" (*donner*) selalu dikaitkan dengan

struktur "seseorang memberi sesuatu kepada seseorang" (*quelqu'un donne quelque chose à quelqu'un*). Walaupun begitu, terdapat juga struktur ayat yang tidak menepati struktur tersebut seperti contoh berikut.

Struktur 1: KP KP KP KN KN KB_(asp) KK_S KN_P KS Ω

Contoh: KP KP KP KN KN KB_(asp) KK_S KN_P KS Ω
 Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin [telah] memberi anugerah
 KS
 kepada pemenang-pemenang.
 KK_D
 ≡ Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin [telah] menganugerahi pemenang-pemenang.

« Le Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin a déjà donné des récompenses aux gagnants ».

KK_D
 ≡ « Le Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin a récompensé des gagnants ».

Struktur 2: KN KB_(asp) KK_S KN_P KS Ω

Contoh: KN KB_(asp) KK_S KN_P KS Ω
 Allah [sudah] memberi anugerah kepada saya.
 « Allah m'a donné une récompense ».
 KN KB_(asp) KK_D KGN
 ≡ Allah [sudah] menganugerahi saya.
 « Allah m'a récompensé ».

Struktur 3: KN KT KK_P KK_S KN_P KS KN Ω

Contoh: KN KN KT KK_P KK_S KN_P KS KN Ω
 Pengawal bangunan itu diminta memberi keterangan tentang punca
 kebakaran itu.
 « Le gardien de ce bâtiment a été sollicité pour donner une explication concernant l'origine de cet incendie ».
 KN KN KT KK_P KK_D N N KT
 ≡ Pengawal bangunan itu diminta menerangkan punca kebakaran itu.
 « Le gardien de ce bâtiment a été sollicité pour expliquer l'origine de cet incendie ».

Struktur 4: KN KK KS KK_S KN_P KS KN Ω

Contoh: KGN KK KS KK_S KN_P KS KN Ω
 Dia bersedia untuk memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa
 kebakaran itu.
 « Il/Elle est prêt à donner la protection aux victimes de l'incendie ».

Struktur 5: KN KT KK_S KN_P KH KK KT KN

Contoh: KN KT KK_S KN_P KH KK KT KN
 Menteri itu memberi jawapan sambil membidas pihak pembangkang.
 « *Le ministre donne la réponse en critiquant les opposants* ».

 KN KT KK_D KH KK KT KN
 ≡ Menteri itu menjawab sambil membidas pihak pembangkang.
 « *Le ministre répond en critiquant les opposants* ».

Keadaan ini adalah fenomena biasa kerana penggunaan kata kerja "memberi" (*donner*) tidak terikat dengan peraturan khusus terutama yang melibatkan bagaimana (cara) atau tujuan sesuatu (benda/perkara) diberikan kepada seseorang.

Kata nama predikatif "anugerah"/*la récompense*, "keterangan"/*l'explication*, "perlindungan"/*la protection* dan "jawapan"/*la réponse* dalam contoh ayat struktur (1), (2), (3), (4) dan (5) sebelum ini adalah berkait rapat secara morfologi dengan kata kerja "menganugerahi"/*récompenser*, "menerangkan"/*expliquer*, "melindungi"/*protéger* dan "menjawab"/*répondre*.

Dalam kajian yang telah dijalankan ini terdapat lebih kurang 68.75% atau 44 daripada 64 ayat terpilih yang dijadikan sampel kajian telah direalisasi oleh kata kerja sokong "memberi" dalam bahasa Melayu dan *donner* dalam bahasa Perancis. Ayat-ayat tersebut boleh dibina semula dengan menggunakan kata kerja distribusi tanpa mengubah maksudnya yang asal (lihat Jadual 1). Keadaan membuktikan bahawa kebanyakan ayat yang dibina dengan menggunakan KK_S apabila diubah kepada bentuk ayat KK_D mempunyai pertalian yang amat rapat dari segi semantik. Keadaan ini memperjelaskan bahawa dalam kedua-dua bahasa yang dikaji, pengguna bahasa mempunyai pilihan untuk menyampaikan mesej mereka sama ada dengan menggunakan KK_S atau KK_D dalam ayat-ayat mereka.

Daripada analisis yang dibuat, jelas ternyata bahawa kata kerja sokong "memberi" (*donner*) yang merealisasi kata nama predikatif dalam ayat-ayat tersebut mempunyai hubungan morfologi antara kata kerja dan kata nama (KK_{KN} [*V_{-nom}*]). Semua ayat yang diterbitkan daripada ayat yang mengandungi KK_S adalah sama maksudnya dengan ayat yang mengandungi KK_D. Berdasarkan fakta ini dapatlah dinyatakan bahawa ayat-ayat yang mengandungi kata kerja sokong dalam contoh-contoh di atas adalah sama makna dengan ayat-ayat yang mengandungi kata kerja distribusi KK_D seperti yang ditunjukkan melalui simbol ≡.

Jadual 1. Kata kerja sokong dan kata kerja distribusi dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis

Bil	KKs KN _P (<i>V_{-sup} N_{-préd}</i>)	Kata Kerja Distribusi (<i>Verbes distributionnels</i>)
1.	Memberi amanah (* <i>donner + faire confiance</i>) (<i>accorder sa confiance</i>)	Mengamanahkan (<i>confier à</i>)
2.	Memberi amaran (<i>donner un avertissement</i>)	?Mengamarkan (<i>avertir</i>)
3.	Memberi ampun (<i>accorder un pardon</i>)	Mengampun (<i>pardoner</i>)
4.	Memberi anugerah (<i>donner une récompense</i>)	Menganugerahi (<i>récompenser</i>)
5.	Memberi arahan (<i>donner un ordre</i>)	Mengarah(kan) (<i>ordonner</i>)
6.	Memberi bantuan (<i>donner une aide</i>)	Membantu (<i>aider</i>)
7.	Memberi belanja (<i>donner la subsistance</i>)	Membelanjakan (<i>dépenser</i>)
8.	Memberi ceramah (<i>donner + faire un discours</i>)	Berceramah
9.	Memberi dorongan (<i>donner une motivation</i>)	Mendorong (<i>motiver</i>)
10.	Memberi gaji (bulanan) (<i>donner un salaire [mensuel]</i>)	Menggaji (<i>salarier</i>)
11.	Memberi galakan (<i>donner un encouragement</i>)	Menggalakkan (<i>encourager</i>)
12.	Memberi gambaran (<i>donner une image</i>)	Menggambarkan
13.	Memberi ganjaran (<i>donner une récompense</i>)	Menganjari (<i>récompenser</i>)
14.	Memberi hiburan (<i>faire plaisir + procurer le plaisir</i>)	Menghiburkan (<i>distraindre</i>)
15.	Memberi(kan) hujah (<i>donner un argument</i>)	Berhujah (<i>argumenter</i>)
16.	Memberi jaminan (<i>donner une garantie</i>)	Menjamin (<i>garantir</i>)
17.	Memberi jawapan (<i>donner une réponse</i>)	Menjawab (<i>répondre</i>)
18.	Memberi keampunan (<i>accorder son pardon</i>)	Mengampunkan (<i>pardoner</i>)
19.	Memberikan kebahagiaan (<i>faire bonheur + donner le bonheur</i>)	Membahagiakan (<i>rendre heureux</i>)
20.	Memberi kebenaran (<i>donner une autorisation</i>)	Membenarkan (<i>autoriser</i>)
21.	Memberi keizinan (<i>donner une autorisation</i>)	Mengizinkan (<i>autoriser</i>)
22.	Memberi kejutan (<i>donner un choc</i>)	Mengejutkan (<i>choquer</i>)
23.	memberi kelegaannya (<i>procurer un soulagement</i>)	Melegakkan (<i>soulager</i>)
24.	Memberi kelonggaran (<i>procurer un soulagement</i>)	
25.	Memberikan kemudahan (<i>donner une facilité</i>)	Memudahkan (<i>faciliter</i>)
26.	Memberikan kenyataan (* <i>donner + faire une déclaration</i>)	≠ Menyatakan (<i>dire/prononcer</i>)
27.	Memberi kepercayaan (<i>faire confiance</i>)	Mempercayai ? (<i>confier</i>)
28.	Memberikan kerjasama (<i>donner une coopération</i>)	Bekerjasama (<i>coopérer</i>)
29.	Memberikan kesamaan (<i>donner + préserver l'égalité</i>)	
30.	Memberi kesan (<i>donner un effet</i>)	≠ Berkesan (<i>impressionner</i>)
31.	Memberi keterangan (<i>donner une explication</i>)	
32.	Memberi keutamaan (<i>donner [E + une + la] priorité</i>)	Mengutamakan (* <i>prioriter + privilégier</i>)

(continued on next page)

Jadual 1. (continued)

Bil	KK _S KN _P (V _{-sup} N _{-préd})	Kata Kerja Distribusi (Verbes distributionnels)
33.	Memberi keuntungan (<i>donner un bénéfice</i>) <u>Mendapat</u> keuntungan (<i>obtenir un bénéfice</i>)	Menguntungkan (<i>bénéficier</i>) Bénéficiair
34.	Memberi laluan (<i>donner passage</i>)	
35.	Memberi malu (* <i>donner + faire honte</i>)	Memalukan (<i>faire honte</i>)
36.	Memberikan mandat (<i>donner un mandat</i>)	
37.	Memberi nafkah (? <i>donner + assurer la subsistance</i>)	Menafkah(kan) + menyara (<i>financer</i>)
38.	Memberi nasihat (<i>donner un conseil</i>)	Menasihati (<i>conseiller</i>) Menasihatkan (<i>conseiller à</i>)
39.	Memberi notis (<i>donner un préavis</i>)	
40.	Memberikan pelajaran (<i>donner une éducation</i>)	≠ Mengajar (<i>éduquer</i>)
41.	Memberi pembalasan (<i>donner une récompense</i>)	Membalas (<i>récompenser</i>)
42.	Memberikan penerangan (<i>donner une information</i>)	Menerangkan (<i>expliquer + informer</i>)
43.	Memberi pengakuan (<i>faire ses aveux</i>)	Mengaku (<i>avouer</i>)
44.	<u>Membuat</u> pengakuan (<i>faire ses aveux</i>)	Mengakui (<i>avouer</i>)
45.	Memberikan penjelasan (<i>donner une explication</i>)	Memperjelaskan (<i>expliquer</i>)
46.	Memberi perhatian (<i>prêter [E + une] attention</i>) (<i>accorder l'attention</i>)	?memperhatikan (* <i>attentionner</i>)
47.	Memberi peringatan (<i>donner un avertissement</i>)	Memperingatkan (<i>avertir</i>)
48.	Memberi perkhidmatan (<i>rendre un service</i>)	Berkhidmat (<i>servir</i>)
49.	Memberi perlindungan (<i>donner une protection</i>)	Melindungi (<i>protéger</i>)
50.	Memberi(kan) pertolongan (<i>donner une aide [à]</i>)	Menolong (<i>aider</i>)
51.	Memberi persetujuan (<i>donner son accord</i>)	Mempersetujui (<i>accorder</i>)
52.	Memberi royalti (<i>donner des royalties</i>)	
53.	Memberi salam (<i>faire des salutations</i>)	*mensalam (<i>saluer</i>)
54.	Memberikan sambutan (<i>faire + réserver un accueil</i>)	Menyambut (<i>accueillir</i>)
55.	Memberi sokongan (<i>donner un soutien + apporter son soutien</i>)	Menyokong (<i>soutenir</i>)
56.	Memberikan sumbangan (<i>donner une contribution</i>)	Menyumbang(kan) (<i>contribuer</i>)
57.	Memberi tahniah (<i>faire ses congratulations</i>) (<i>présenter ses félicitations</i>)	*mentahniah (<i>congratuler</i>)
58.	Memberi taklimat (<i>donner un discours bref</i>)	
59.	Memberi teguran (<i>faire une réprimande + donner un avertissement</i>)	Menegur (<i>réprimander + avertir</i>)
60.	Memberi tempoh (<i>accorder le temps</i>)	
61.	Memberikan tentangan (<i>opposer une résistance</i>)	Menentang (<i>résister</i>)
62.	Memberi(kan) tugas (<i>donner un travail</i>)	Menugaskan (<i>confier à</i>)
63.	Memberi(kan) tumpuan (<i>faire attention</i>)	Menumpukan (<i>focaliser</i>) Memfokuskan
64.	Memberi ucapan (* <i>donner + faire un discours</i>)	Berucap (<i>parler</i>)


Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat beberapa penemuan khusus berhubung dengan ayat-ayat yang dibina dengan menggunakan KK_S "memberi" (*donner*). Antaranya adalah seperti berikut:

1. Terdapat banyak ayat dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis yang mengandungi KK_S "memberi" (*donner*). Walau bagaimanapun bagi setiap struktur ayat yang mengandungi KK_S , kita dapati KK_S terletak sebelum kata nama predikatif seperti dalam struktur asas yang berikut: $KK_S KN_P (V_{-sup} N_{-préd})$.
2. Semua kata nama yang direalisasi oleh KK_S "memberi" (*donner*) dalam ayat-ayat yang dikaji sama ada dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Perancis terdiri daripada kata nama abstrak. Dalam konteks ini, kata kerja "memberi" (*donner*) berperanan sebagai perealisasi kepada KN_P .

Daripada jadual yang ditunjukkan, dapatlah dinyatakan bahawa terdapat pertalian yang amat rapat antara kata nama (*les substantifs*) dan kata kerja yang diterbitkan. Hubungan ini kelihatan jelas dan relevan sama ada dalam bahasa Melayu atau dalam bahasa Perancis. Hubungan persamaan makna antara binaan $KK_S KN_P (V_{-sup} N_{-préd})$ dan $KK_D (V_{-dis})$ adalah fenomena umum dalam kajian linguistik dan ada kalanya bersifat khusus terutama yang melibatkan kajian antara dua bahasa seperti bahasa Perancis dan bahasa Melayu. Kajian sintaksis dan morfologi yang dijalankan secara sistematik dapat membantu dalam menjelaskan hubungan antara dua struktur ayat terutamanya bagi ayat yang tidak mempunyai kata kerja yang dapat dikaitkan dengan kata nama.

Analisis Perbezaan Makna Ayat Kata Kerja Sokong dengan Ayat Kata Kerja Distribusi


Seperti yang telah dinyatakan, hubungan morfologi antara kata nama dengan kata kerja adalah salah satu kriteria untuk mengenali kata kerja sokong. Akan tetapi, terdapat juga kata nama yang tiada hubungan dengan kata kerja. Dalam perspektif ini, Gross (1988, 57) menyatakan bahawa "*On observe que parmi les substantifs prédictifs, il en est de deux sortes: ceux qui ont une construction verbale associé (V-n) et ceux qui n'en ont pas (N), ce dont rend compte le schéma suivant:*



Max a fait un séjour en Italie
 = *Max a séjourné en Italie*

Max a fait un tour en Italie
 = **Max a tourné (en + la) Italie*".

[Melalui pemerhatian yang dijalankan, kata nama predikatif dapat digolongkan kepada dua jenis iaitu, binaan kata kerja yang bergabung dengan kata nama (KK–KN) dan binaan yang tidak bergabung (KN). Keadaan ini dapat dilihat melalui skema yang berikut:



Max a fait un séjour en Italie (*Max telah membuat penginapan di Itali)
 = *Max a séjourné en Italie* (Max telah menginap di Itali)

Max a fait un tour en Italie (*Max telah membuat pusingan/rondaan di Itali)
 = **Max a tourné (en + la) Italie* (Max telah berpusing/meronda di Itali)].

Keadaan ini bukan sahaja berlaku dalam bahasa Perancis tetapi juga berlaku dalam bahasa Melayu khususnya dalam keadaan kata kerja yang tidak dapat diterbitkan daripada kata nama. Misalnya:

Struktur 6: KN KB KK_S KN_P KS KN Ω (N V_{-aux} V_{-sup} N_{-préd} Prép N Ω)

Contoh: KN KB_(asp) KK_S KN_P KS KN KN KN
 PBB telah memberi amaran kepada garisan pertahanan Serb
 KH Adj
 supaya segera berundur.

« L'ONU a donné un avertissement à la ligne de défense serbe pour qu'elle recule immédiatement ».

KN KB_(asp) KK_D KS KN KN KN KH
 ≡ telah *mengamaran kepada garisan pertahanan Serb supaya

PBB

Adj KK

segera berundur.

« L'ONU a averti la ligne de la défense serbe pour qu'elle recule immédiatement ».

Berdasarkan contoh dalam struktur 6, bahasa Melayu didapati tidak mempunyai kata kerja yang dapat diterbitkan daripada kata nama "amaran" (*avertissement*). Penggunaan biasa "memberi amaran" dalam bahasa Melayu membawa maksud memberi peringatan keras secara lisan atau bersurat dengan tujuan mengelakkan sesuatu yang buruk daripada berlaku (*éviter/empêcher de faire des mauvaises choses*) dan boleh digunakan bagi maksud mengelakkan kesan lebih teruk atau bagi tujuan arahan dalam konteks yang lebih luas. Dari aspek sintaksis, kita boleh menggunakan kata kerja "mengingatkan" (*avertir*) = "memberi peringatan" di tempat "memberi amaran" dalam ayat sebelum ini tetapi dari segi semantik, perubahan ini akan menyebabkan maksud asal ayat tersebut berubah. Dalam konteks tertentu penggunaan "memberi peringatan", kadangkalanya sama maksud dengan "memberi teguran" (*donner un avertissement*) tetapi frasa tersebut tidak mempunyai maksud yang sama dengan "mengingatkan" (*rappeller*) seperti dalam bahasa Perancis. Berdasarkan keadaan tersebut, kita mendapati bahawa kata kerja sokong digunakan secara khusus merealisasikan kata nama predikatif. Tanpa kata kerja sokong, kata nama "amaran", "peringatan" atau "tegunan" tidak dapat berdiri sendiri dalam binaan ayat tersebut. Begitu juga dengan contoh bagi struktur 7 dan struktur 8 yang berikut:

Struktur 7: KGN KK KK_S KN_P KS KN Ω

Contoh: KGN KK KK_S KN_P KS KN KN KT
 Kami turut memberi amaran kepada syarikat swasta terbabit...
 « Nous donnons également un avertissement à l'entreprise privée ».

« Kami turut *mengamarkan kepada syarikat swasta terbabit ».
 « Nous avertissons également l'entreprise privée ».

Kami turut mengingatkan syarikat swasta terbabit
 ? « Nous rappelons également l'entreprise privée ».

Struktur 8: KP KN KN KB_(asp) KK_S KN_P KS KN KT

Contoh: KP KN KN KB_(asp) KK_S KN_P KS KN KT
 YAB Perdana Menteri juga telah memberi teguran
 KS KN KT
 ke atas perkara ini.

predikatif *congratulation* (tahniah) bagi ayat tersebut. Kata kerja sokong yang sesuai digunakan ialah "membuat" (*faire*). Perbezaan penggunaan kata kerja "memberi" (*donner*) dan "membuat" (*faire*) dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis bagi merealisasikan kata nama predikatif "tahniah" (*congratulation*) dalam ayat seperti ini merupakan fenomena biasa. Dalam bahasa Melayu, "memberi tahniah" dalam ayat berkenaan boleh digantikan dengan "mengucapkan tahniah" kerana kedua-dua ayat tersebut membawa maksud yang sama. Sebagai contoh:

KG _N	KB _(asp)	KK _S	KN _P	KS	KG _N	Rel	KK
Baginda	telah	<u>mengucapkan</u>	<u>tahniah</u>	kepada	mereka	yang	berjaya.

« *Sa majesté a congratulé ceux qui ont réussi* ».

Mengucapkan tahniah \equiv *congratuler*

Begitu juga dengan contoh yang berikut:

KT	KN	KK _S	KN _P	KS	KN	KG _N
Para	jury	<u>mengucapkan</u>	<u>tahniah</u>	atas	kejayaannya.	

« *Le jury l'a félicité pour ses résultats* ».

« *Le jury l'a félicité pour ses résultats* ».

Analisis ayat akan menjadi lebih rumit terutamanya jika kita membuat perbandingan antara dua bahasa. Kata nama "tahniah" (*congratulation/félicitation*) dalam bahasa Melayu di sini menerima dua kata kerja sokong: "memberi" tahniah atau "mengucapkan" tahniah. Dalam konteks ini, ungkapan "memberi tahniah" dan "mengucapkan tahniah" menunjukkan penggunaan dua kata kerja sokong yang sinonim dalam bahasa Melayu tetapi tidak sama halnya dengan bahasa Perancis kerana kata kerja "mengucapkan" jika diterjemahkan kepada *prononcer* adalah sama sekali tidak boleh digunakan untuk merealisasikan kata nama *congratulation* dalam ayat tersebut. Kata kerja distribusi *congratuler* dan *féliciter* dalam bahasa Perancis secara umumnya diterjemahkan kepada ungkapan "mengucapkan tahniah", dan ungkapan ini belum mempunyai kemungkinan untuk diterbitkan kepada kata kerja distribusi "*mentahniah" dalam bahasa Melayu. Kajian lanjutan berkaitan dengan sistem morfologi dalam bahasa Melayu bagi menjelaskan keadaan ini harus dijalankan secara sistematik supaya fenomena seperti ini mendapat jawapan yang lebih konkrit.

Struktur 11: KN KK_S KN_P (Modif) KS KN Ω (N V_{-sup} N_{-préd} [Modif]
Prép N Ω)

KN	KN	KK _S	KN _P	Rel	Adj	KS	KN
Mohd	Affandi	<u>memberi</u>	<u>perhatian</u>	yang	berat	kepada	masyarakat
KS	KN	KGN					

dalam tulisannya ini.
? « Mohd Affandi donne sa forte attention au peuple dans son écriture-ci ».
« Mohd Affandi fait attention au peuple dans son écriture ».

Struktur 12: KN KN KK_S KN_P KN (Modif)

Contoh: KN KN KK_S KN_P KN (Modif)
Ketua Sidang memberikan ucapan pembukaan.
« Le président donne un discours d'ouverture ».
« Le président fait le discours d'ouverture ».
KN KN KK KN (Modif)
? ≡ Ketua Sidang *berucap pembukaan
« Le président [*discursie + ?parle] d'ouverture ».

Dalam ayat contoh struktur 11, penggunaan kata kerja distribusi "memperhatikan" yang diikuti dengan pelengkap relatif dalam ayat tersebut didapati tidak gramatis. Dalam hal ini binaan kata kerja sokong "memberi perhatian" (kepada sesuatu) tidaklah sama maksudnya dengan kata kerja distribusi "memperhatikan" (sesuatu). Selain kata kerja sokong "memberi", kita boleh juga menggunakan kata kerja sokong yang lain iaitu "mengambil". Contohnya, "Mohd Affandi mengambil perhatian yang berat terhadap masyarakat dalam tulisannya". Walaupun begitu, "mengambil perhatian terhadap sesuatu" juga tidak sama dengan "memperhatikan sesuatu". Contoh ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan kata kerja sokong dalam ayat akan menjadikan sesuatu ayat tersebut lebih jitu maksudnya.

Struktur 13: KGN KK_S KN_P (Modif) KS KN KK Ω (N V_{-sup} N_{-préd} [Modif]
Prép N V Ω)

Contoh:	KGN	KK _S	KN _P	Adj	KS	KN	Adj
	Kita	<u>memberi</u>	<u>tempoh</u>	selambat-lambatnya	pada	minggu	depan
	KS	KN					

untuk Ali menyiapkan tugas itu.
? « Nous donnons le temps au plus tard à la semaine prochaine à Ali pour finir ce travail ».
« Nous donnons à Ali au plus tard jusqu'à la semaine prochaine pour finir ce travail ».
« Vous avez au plus tard jusqu'à la semaine prochaine pour finir ce travail ».

Kita *metempoh/menempohkan selambat-lambatnya pada minggu depan untuk Ali menyiapkan tugas itu.

« Nous * _____ au plus tard à la semaine prochaine à Ali de finir ce travail ».

Begitu juga dalam contoh struktur 12, "memberikan ucapan pembukaan" tidaklah boleh bermaksud "*berucap pembukaan". Walaupun demikian, kita boleh menggunakan kata kerja distribusi "berucap" dalam konteks yang lain. Contohnya seperti dalam ayat "Ketua Sidang berucap di upacara pembukaan". Kata nama "ucapan pembukaan" dalam ayat contoh bagi struktur 12 merupakan kata nama predikatif majmuk kerana tidak boleh digantikan dengan kata kerja distribusi "*berucap". Dalam perspektif ini, analisis yang lebih terperinci boleh dilakukan dalam konteks yang berbeza untuk melihat kumpulan kata nama predikatif yang dipengaruhi oleh kehadiran kata nama modifier KN (Modif) dalam ayat.

Dalam konteks ini, tiada kata kerja distribusi "mentempoh" dalam bahasa Melayu sebaliknya kata kerja yang boleh dikaitkan dengan "memberi tempoh" ialah "menempohkan". Dalam bahasa Perancis pula, tiada kata kerja terbitan yang relevan dengan kata nama predikatif "tempoh" seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Perbezaan Penggunaan "Memberi" (*Donner*) dan Membuat (*Faire*) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis

Terdapat beberapa ayat yang tidak menggunakan kata kerja sokong yang sama bagi merealisasikan kata nama predikatif dalam ayat. Jika dalam bahasa Melayu, kata kerja sokong yang digunakan bagi merealisasikan kata nama predikatif tertentu ialah memberi (*donner*) namun sebaliknya dalam bahasa Perancis pula, kata kerja yang lebih tepat ialah *faire* (membuat). Sebagai contoh:

Struktur 14: KGN KK KK_S KN_P KH KK KN Ω (N V V_{-sup} N_{-préd} Conj V N Ω)

Contoh: KGN KK KK_S KN_P KH KK KN Adj
 Kita hendaklah memberi salam dan mengetuk pintu terlebih dahulu

KT

sebelum masuk ke rumah.

« Nous devrions (*donner + faire) des salutations et frapper à la porte avant de rentrer dans la maison ».

« Nous devrions saluer et frapper à la porte avant de rentrer dans la maison ».

« Nous devons nous faire annoncer et frapper à la porte avant de rentrer dans la maison ».

« Il faut se faire annoncer et frapper à la porte avant de rentrer dans la maison ».

≡ Kita hendaklah memberi salam dan mengetuk pintu terlebih dahulu sebelum masuk

ke dalam rumah.

« *Nous devrions saluer et frapper à la porte avant de rentrer dans la maison* ».

Struktur 15: KB_(asp) KN KGN KK_S KN_P KH Ω

Contoh:	KB _(asp)	KN	KGN	KK _S	KN _P	KH
	Sudah	tiga kali	dia	<u>memberi</u>	<u>salam</u> ,	tetapi
						Ω

masih tidak bersahut.

« *C'était déjà trois fois qu'il a fait ses salutations mais il n'avait pas encore de réponse* ».

Dalam contoh bagi struktur 14 dan struktur 15, KK_S "memberi" (*donner*) dalam bahasa Melayu digunakan bagi merealisasi KN_P "salam" namun bahasa Perancis menggunakan KK_S *faire* (membuat). Ungkapan memberi salam dalam bahasa Melayu tidak dapat diterbitkan kepada kata kerja "mensalam". Kata kerja yang boleh dihasilkan dengan perkataan salam dalam bahasa Melayu ialah "bersalam" (berjabat tangan dengan [*se serrer la main à*]) yang tidak sama sekali mempunyai maksud yang sama dengan "memberi salam" (*saluer*).

Kesimpulan

Hasil daripada kajian ini, dapatlah dinyatakan bahawa kata kerja "memberi" boleh dimasukkan dalam kategori kata kerja sokong (*verbe support*) berasaskan prinsip kata kerja sokong merealisasi kata nama predikat. Analisa yang telah dijalankan juga dapat menunjukkan bahawa kata nama predikatif (KN_P) yang direalisasi oleh kata kerja sokong (KK_S) "memberi" (*donner*) dalam ayat yang dikaji sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Perancis adalah terdiri daripada kata nama abstrak (*noms abstraits*). Dalam ayat yang mengandungi KK_S diikuti KN_P tersebut secara umumnya mempunyai persamaan makna dengan KK_D yang diterbitkan daripada kata nama seperti yang telah ditunjukkan daripada contoh-contoh dalam kajian ini. Elemen utama daripada binaan nominal adalah kata nama terbitan/*déverbal* (yang mempunyai hubungan dengan kata kerja). Hubungan morfologi ini adalah salah satu daripada kriteria penting untuk mengenali KK_S. Walaupun demikian, terdapat binaan ayat yang menggunakan KK_S "memberi" (*donner*) bagi merealisasi KN_P tidak dapat dikaitkan dengan KK_D namun ayat tersebut masih boleh dimasukkan dalam kategori binaan KK_S berdasarkan kepada kriteria asas iaitu KK_S berperanan sebagai perealisasi KN_P. Dengan kata lain, hanya dengan kehadiran KK_S sahaja maka KN_P dapat direalisasi dalam ayat tersebut. Dalam konteks ini, fungsi utama KK_S adalah sebagai perealisasi bagi KN_P. Melalui kajian ini juga dapatlah dirumuskan bahawa kebanyakan ayat

yang mengandungi KK_S boleh ditransformasi atau diterbitkan kepada binaan ayat yang mengandungi KK_D tanpa mengubah maksud asal ayat tersebut. Bilangan kata nama predikatif yang boleh direalisasikan oleh KK_S "memberi" dalam bahasa Melayu secara umumnya boleh mencapai angka yang lebih tinggi lagi, begitu juga dengan KK_D yang diterbitkan. Kajian ini sedikit sebanyak dapat menjelaskan faktor yang menyebabkan kata kerja "memberi" dalam bahasa Melayu dan *donner* dalam bahasa Perancis dapat digolongkan sebagai kata kerja sokong (*verbe support*) dan mengenal pasti perbezaan atau persamaan yang wujud antara dua bahasa yang dikaji.

Bibliografi

- Adal Ahnaiba. 2006. *Les verbes supports en arabe classique et en arabe moderne: Le cas de 'akhadha/ittakhadha l'équivalent du verbe support Français prendre*. Paris: Université Paris IV-Sorbonne.
- Amr Helmy Ibrahim. 2004. Prolégomènes à une typologie de l'actualisation des noms. In *Les constituants prédicatifs et la diversité des langues, mémoires de la Société de Linguistique de Paris*. Leuven, Belgium: Peeters, 29–76.
- _____. 2003. *Le cadre du lexique-grammaire*. *LINX 48: Approches Syntaxiques Contemporaines* 48(1): 101–122.
- _____. 2002. Les verbes supports en arabe. *Bulletin de la Société de Linguistique de Paris* 97(1): 315–352.
- _____. 2001a. Dans la langue, par la langue mais toute entière. *Langages* 142: 3–9.
- _____. 2001b. Argumentation interne et enchaînements dans les matrices définitives. *Langages* 142: 92–126.
- _____. 2000. Une classification des verbes en six classes asymétriques hiérarchisées. In *Syntaxe et Sémantique 2: Sémantique du lexique verbal*. Caen, France: Presses Universitaire de Caen, 81–97.
- _____. 1999. Constructions figées et constructions à supports. In *Le figement lexical*. eds. A. Clas, S. Mejri, G. Gross and T. Baccouche. Tunisia: Centre d'Etudes et de Recherches, Economiques et Sociales, Université de Tunis I, 373–386.
- _____. 1997. Pour une définition matricielle du lexique. *Cahiers de Lexicologie* 71(2): 155–170.
- _____. 1996a. Les supports: Le terme, la notion et les approches. *Langages* 121: 3–7.
- _____. 1996b. La forme d'une théorie du langage axée sur les termes supports. *Langages* 121: 99–119.
- _____. 1994. Théorie générale: De la nature du support de neutralité articulant l'arbitraire et le motivé dans les langues. *Supports, Opérateurs, Durée* 516: 15–62.
- Amr Ibrahim. 1998. Peut-on reconnaître automatiquement les supports du non fini en français et en arabe? *BULAG* 23: 245–273.
- Cattel, R. 1984. *Syntax and semantics vol. 17: Composite predicates in English*. Sydney: Academic Press.

- Daladier, A. 1978. Quelques problèmes d'analyse d'un type de nominalisation et de certains groupes nominaux français. PhD diss., Université Paris VII.
- Giry-Schneider, J. 1987. *Les prédicats nominaux en français: Les phrases simples à verbes supports*. Geneva: Droz.
- _____. 1978. *Les nominalisations en français: L'opérateur "faire" dans le lexique*. Geneva: Droz.
- Gross, G. 1989. *Les constructions converses du français*. Geneva: Droz.
- _____. 1988. Degré de figement des noms composés. *Langages* 90: 57–72.
- Gross, M. 1998. La fonction sémantique des verbes supports. In *Travaux de linguistique* 37. Louvain-La-Neuve, Belgium: Duculot, 25–46.
- _____. 1981. Les bases empiriques de la notion de prédicat sémantique. In *Langages* 63: 7–53.
- _____. 1976. Sur quelques groupes nominaux complexes. In *Méthodes en grammaire française*. eds. J. C. Chevalier and M. Gross. Paris: Klincksieck, 97–119.
- _____. 1975. *Méthodes en syntaxe*. Paris: Hermann.
- _____. 1968. *Grammaire transformationnelle du français: Syntaxe du verbe*. Paris: Larousse.
- Gut, Y. et al. 1996. *Kamus Perancis–Melayu Dewan: Dictionnaire Français-Malais*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harris, Z. S. 1976. *Notes du cours de syntaxe*. Paris: Le seuil.
- _____. 1964. The elementary transformations, T.A.D.P. In *Université de Pennsylvanie, réimprimé dans papers in structural and transformational linguistics*. Dordrecht, Netherland: Reidel.
- Omrah Hassan Hussin. 2009. Etude comparée des verbes supports faire, donner et prendre: buat/membuat, beri/memberi et ambil/mengambil en malais et en français. ed. Amr Helmy Ibrahim. PhD diss., Université Paris IV-Sorbonne.
- _____. 2003. Etude comparative des verbes supports en français et en malais. In *Mémoire de DEA*. ed. Amr Helmy Ibrahim. Besançon Cedex, France: Université de Franche-Comté.
- Robert, P. 1991. *Dictionnaire de la langue française*. Paris: Dictionnaire le Robert.
- Shin, K-S. 1994. Le verbe support Hatta en coréen contemporain: Morpho-syntaxe et comparaison. PhD diss., Université Paris VII.
- Vives, R. 1983. Avoir, prendre, perdre: Constructions à verbe support et extensions aspectuelles. PhD diss., Université Paris VII.

Lampiran

Singkatan yang digunakan dan maksudnya:

Adj	Adjektif
KK _S /V _{-sup}	Kata kerja sokong (<i>verbe support</i>)
KN _P /N _{-préd}	Kata nama predikatif (<i>nom predicatif</i>)
KK _N /V _{-nom}	Kata kerja nominal (<i>verbe nominal</i>)
KK _P	Kata kerja bentuk pasif
KK _D /V _{-dis}	Kata kerja distribusi (<i>verbe distributionnel</i>)
KB _(asp)	Kata bantu aspek
KN	Kata nama
KG _N /Pron	Kata ganti nama diri
KS	Kata sendi
KH	Kata hubung
KT	Kata tentu
Rel	Relatif
Ω	Pelengkap ayat
Modif	Modifier
≠	Tidak sama makna
≡	Persamaan makna
*	Tidak gramatis
?	Tahap gramatis atau penerimaan yang diragui